

Potongan terus bantuan bulanan penghuni PPR sudah dilaksanakan

**ISKANDAR PUTE-
RI** - Pemotongan
terus bayaran sewa
Projek Perumahan Rak-

yat (PPR) daripada bantuan bu-
lanan penghuni yang menerima
bantuan daripada pelbagai pihak
telah pun mula dilaksanakan Ke-
rajaan Johor sejak bulan lalu.

Exco Perumahan, Komuni-
kasi dan Multimedia, Dzulkefly
Ahmad berkata, buat masa ini
pemotongan yang dibuat melalui
Setiausaha Kerajaan Johor (SUKJ)
Bahagian Perumahan dilaksana-
kan Yayasan Penyayang Iskandar
Puteri di bawah Majlis Bandara-
ya Iskandar Puteri (MBIP).

**TUNGGAKAN
SEWA PPR**

“Setakat ini kita dapat
kerjasama MBIP sejak
bulan lepas dan bayaran
terus kepada SUKJ Baha-
gian Perumahan. Saya difaham-
kan beberapa yayasan PBT akan
mengikut cara tersebut.

“Ini bermakna duit tersebut
(bantuan bulanan) tidak diberi
terus kepada penerima, tetapi
terus dibayar kepada SUKJ Ba-
hagian Perumahan,” katanya
ketika ditanya mengenai perkem-
bangan cadangan berkenaan
yang pernah diutarakan sebelum
ini.

Terdahulu, beliau menyem-
purnakan Majlis Undian Terbu-



Dzulkefly (depan dari kiri) bersama mereka yang berjaya dalam Undian Terbuka Taman Saujana Putra, Kesang Tangkak semalam.

ka Taman Saujana Putra, Kesang,
Tangkak di Bangunan Dato' Ab-
dul Rahman Andak dekat Kota

Iskandar di sini semalam.

Dzulkefly yang juga ADUN
Kota Iskandar berkata, pihaknya

juga turut berunding dengan
Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)
yang turut memberi bantuan
sama untuk merealisasikan ca-
dangan tersebut.

“Langkah ini bagi memasti-
kan bantuan yang disalurkan
digunakan dengan sebaiknya se-
bagaimana ia diluluskan termas-
uk ansuran sewa kediaman me-
reka.

“Saya difahamkan yayasan
PBT kebiasaannya menyalurkan
bantuan bulanan terus untuk
tempoh setahun dan sangat ba-
haya jika ia diberi kepada peneri-
ma bantuan kerana kluatir akan
disalah guna,” katanya.